

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SLJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018
PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1
Nov./Dis.
2 jam

1223/1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 15.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** mesti dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan di halaman 15.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 15 daripada kertas peperiksaan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1223/1 © 2018 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT



Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Pilih pernyataan yang betul akibat perbuatan riddah.

- A Membazir harta, tenaga dan masa. ✗
- B Hubungan suami isteri terfasakh. ✗
- ☒ C Menghilangkan sikap percaya-mempercayai.
- D Menjadi takbur dan berani melakukan kezaliman.

- Umat Islam akan ditindas.
- Akan menerima balasan neraka di akhirat kelak.
- Memberi peluang kepada musuh menghapuskan agama dan umat Islam.

2 Pernyataan di atas merujuk kepada akibat _____.

- ☒ A lari dari medan perang
- B mencuri dan merompak
- C makan harta anak yatim ✗
- D mengumpat dan memfitnah ✗

3 Antara yang berikut yang manakah ciri kesesatan ajaran Taslim?

- A Beriktikad bahawa pengasasnya adalah jelmaan Allah SWT.
- B Mengubah bentuk-bentuk ibadah seperti puasa 19 hari. ✗
- C Mendakwa malaikat pancaindera Allah SWT. ✗
- ☒ D Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fi'li.

4 Pilih pernyataan yang benar mengenai kufur.

- ☒ A Berpaling daripada agama Islam.
- B Berpura-pura melahirkan keimanan. ✗
- C Mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW.
- D Menyamakan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan af'al-Nya. ✗

5 Ciri-ciri berikut berkaitan kesesatan ajaran Qadyani **kecuali**

- A menghapuskan jihad.
- ☒ B mengharuskan perzinaan melalui nikah batin.
- C mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah SWT.
- D mengubah ayat al-Quran seperti ayat 6 surah al-Saf.

- Menutup aurat.
 - Suci daripada hadas.

6 Pernyataan di atas merupakan syarat-syarat sah bagi ibadah _____.

- A sai
- B tawaf
- C wukuf
- ☒ D melontar jamrah

7 Pilih susunan yang betul ketika mengerjakan ibadah umrah.

- ☒ A niat → tawaf → sai → bercukur
- B niat → tawaf → bercukur → sai
- C niat → sai → bercukur → tawaf
- D niat → sai → tawaf → bercukur

Suami menceraikan isterinya ketika haid.

8 Situasi di atas merujuk kepada talak _____.

- A bain ✓
- ☒ B bid'i
- C sunni
- D taklik ✗

- Melahirkan sifat kerjasama dan rasa kasih sayang sesama insan.
 - Memberi jaminan kepada pemberi hutang.

9 Pernyataan di atas merujuk kepada _____ gadaian.

- A kesan
- B proses
- ☒ C hikmah
- D syarat sah

Menyelamatkan akidah isteri dan anak-anak ekor dari suami yang murtad.

10 Antara yang berikut yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Li'an
- B Zihar
- C Khuluk
- ~~D Fasakh~~

11 Antara yang berikut yang manakah perkara-perkara yang dilarang ketika ihram k untuk lelaki?

- I Menutup kepala
- II Memakai pakaian berjahit
- III menikahkan atau bernikah
- IV Memotong rambut atau bulu di badan
- ~~A I dan II~~
- ~~B II dan III~~
- ~~C III dan IV~~
- ~~D I dan IV~~

- Dilahirkan di Tunisia.
- Pengarang kitab *al-Muqaddimah*.
- Bapanya seorang sarjana.
- Meninggal dunia pada tahun 808H.

12 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____.

- A Ibnu Sina
- B Ibnu Khaldun
- C Imam al-Ghazali rahimahullah
- ~~D Imam al-Bukhari rahimahullah~~

13 Semua jabatan berikut diuruskan oleh baitulmal pada zaman bani Abbasiah kecuali

- ~~A Diwan al-Nafaqah.~~
- B Diwan al-Azimah.
- C Diwan al-Usul.
- D Diwan al-Jund.

- Penasihat Agong Perdana Menteri Nizam al-Muluk.
- Digelar *Hujjatul Islam*.
- Menghasilkan kitab *Ihya Ulumuddin*.

14 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan _____.

- A Imam Malik rahimahullah ✕
- B Imam Ahmad rahimahullah
- C Imam al-Bukhari rahimahullah
- ☒ D Imam al-Ghazali rahimahullah

15 Ilmu berikut adalah berteraskan akal **kecuali**

- A astronomi ✕
- B falsafah
- ☒ C fiqah
- D falak ✕

16 Imam al-Bukhari rahimahullah lebih terkenal dengan ilmu _____.

- A fiqah
- B tafsir
- ☒ C hadis
- D tauhid ✕

17 Apakah hukum musafir ke Masjid Nabawi, Masjid al-Aqsa dan Masjidilharam?

- ☒ A Sunat
- B Wajib
- C Harus
- D Makruh ✕

- Maruah umat Islam terpelihara.
- Kemungkaran dan gejala sosial dapat diatasi.

18 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah amar makruf nahi mungkar terhadap _____.

- A negara
- B keluarga

19 Antara yang berikut yang manakah **bukan** adab bernegara?

- ~~A~~ Menyediakan keperluan asas kepada rakyat.
- B Memajukan negara dalam setiap bidang.
- C Mempertahankan negara daripada musuh. ✕
- D Mengharumkan nama negara hingga ke peringkat antarabangsa. ✕

20 Jihad dituntut dalam Islam kerana dapat _____.

- A meningkatkan ekonomi negara ✕
- B menjauhi diri daripada sifat mazmumah
- ~~C~~ mendidik sifat jati diri yang tinggi
- D melahirkan masyarakat yang aman dan berkasih sayang


Soalan 21 hingga Soalan 30

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Orang yang melakukan amalan syirik seperti memakai tangkal digelar fasik.
- 22 Ilmu sihir ialah ilmu yang digunakan secara halus melalui bantuan makhluk ghaib untuk mendatangkan mudarat kepada mangsanya.
- 23 Mengurangkan sukatan timbangan atau memalsukan tandatangan adalah contoh riba.
- 24 Secara umumnya golongan syiah terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu Shi'ah Rafiqah, Syiah Zaidiah dan Syiah Batiniah.

Perjanjian perkongsian terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan antara dua pihak atau lebih.


- 25 Pernyataan di atas merujuk kepada definisi perjanjian.
- 26 Menceritakan keburukan seseorang dan menimbulkan kemarahan apabila dilakukan di hadapannya merujuk kepada perbuatan marjumi.



- 27 X dalam rajah di atas ialah paksi.
- 28 Pengertian hadonah ialah menyembelih binatang *al-an'am* pada hari aidil adha atau hari tasyrik dengan tujuan beribadat kepada Allah SWT.

Hak penjagaan anak yang belum mumaiyiz dan tidak mampu mengurus diri sendiri.

- 29 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian hadonah.



30 Y dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 31 hingga Soalan 33

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul berkaitan adab berniaga yang disediakan dalam jadual di bawah.

Amanah	Kerjasama	Tekun	Ihsan
--------	-----------	-------	-------

- 31 Tidak mencampur buah busuk dengan buah elok.
- 32 Tidak mementingkan keuntungan semata-mata.
- 33 Bertolak ansur sekiranya timbul perkara yang tidak diingini.

amanah

phnen

kerjasama

Soalan 34 hingga Soalan 37

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 34 Istilah _____ merujuk kepada jabatan-jabatan kerajaan dalam sistem pemerintahan kerajaan bani Abbasiyah.
- 35 Corak gerakan tentera Nasab menjadi ikutan khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan dalam mengemas kini angkatan tenteranya.
- 36 Perpustakaan terulung dibina di Baghdad oleh Khalifah Harun al-Rasyid ialah _____.
- 37 Kitab *al-Jamek al-Sohih* merupakan karya agung _____.

Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

wajib	sunat	makruh	haram	harus
-------	-------	--------	-------	-------

- 38 Hukum perkahwinan bagi lelaki yang tidak mampu memberi nafkah tetapi berkeinginan untuk beristeri ialah makruh.
- 39 Perempuan yang menerima pinangan sedangkan masih dalam tempoh idah kematian suami hukumnya haram.
- 40 Orang yang melakukan dosa wajib beristighfar dan bertaubat kepada Allah SWT.

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan.

Soalan 1, Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**.

- 1 (a) Khurafat membatalkan keimanan seorang mukmin kepada Allah SWT.
- ~~(i)~~ Apakah pengertian khurafat? [2 markah]
 - ~~(ii)~~ Nyatakan **dua** contoh khurafat yang masih diamalkan dalam masyarakat. [2 markah]
 - ~~(iii)~~ Cadangkan langkah untuk mengatasi khurafat daripada berleluasa dalam masyarakat dan huraikan. [4 markah]
- (b) Menghina dan menderhaka kepada ibu bapa adalah dosa besar yang mesti dihindari.
- ~~(i)~~ Nyatakan **dua** contoh perbuatan derhaka kepada ibu bapa. [2 markah]
 - ~~(ii)~~ Terangkan **dua** bakti yang boleh dilakukan oleh anak terhadap ibu bapa yang telah meninggal dunia. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud kemanisan iman. [2 markah]
- ~~(ii)~~ Terangkan **dua** perkara yang boleh dilakukan untuk meningkatkan keimanan. [4 markah]

- 2 (a) Sembelihan wajib untuk memastikan binatang mati dengan cepat dan halal dimakan.

~~(i)~~ Namakan **dua** urat yang wajib diputuskan ketika menyembelih.

[2 markah]

~~(ii)~~ Nyatakan **dua** rukun sembelihan.

[2 markah]

~~(iii)~~ Hukum melakukan sembelihan adalah wajib manakala hukum melakukan akikah adalah sunat muakkad.

Jelaskan **dua** perbezaan lain antara sembelihan dengan akikah.

[4 markah]

Seorang isteri sering keluar rumah tanpa izin suami dan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

(b) ~~(i)~~ Berdasarkan pernyataan di atas, apakah istilah bagi perbuatan isteri tersebut? [1 markah]

~~(ii)~~ Jelaskan langkah-langkah mengikut urutan yang perlu dilakukan oleh suami terhadap isteri tersebut menurut syariat Islam. [3 markah]

(c) ~~(i)~~ Rujuk adalah satu kaedah penyelesaian dalam masalah rumah tangga. Nyatakan maksud rujuk. [2 markah]

~~(ii)~~ Terangkan **dua** hikmah rujuk daripada aspek kekeluargaan. [4 markah]

~~(iii)~~ Qazaf merupakan sebab berlakunya li'an. Nyatakan pengertian li'an. [2 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan perbezaan sistem ketenteraan pada zaman kerajaan bani Umaiyah dengan kerajaan Khulafa al-Rasyidin. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** pembaharuan dalam bidang ketenteraan yang dilaksanakan oleh kerajaan bani Umaiyah. [4 markah]
- (b) Ibnu Sina (Avicenna) merupakan bapa perubatan Islam yang ulung.
- (i) Nyatakan **dua** karya beliau khusus dalam bidang perubatan. [2 markah]
- (ii) Terangkan penemuan beliau yang menjadi rujukan penting dalam bidang ilmu perubatan. [2 markah]
- (c) (i) Rekreasi ialah kegiatan menyeronokkan yang boleh menyegarkan kembali kesihatan tubuh badan.
Jelaskan **dua** adab berekreasi yang dituntut oleh Islam. [4 markah]

Gejala vandalisme yang berlaku di tempat rekreasi menunjukkan kurangnya sikap kesedaran dalam masyarakat menghargai kemudahan awam yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Ini telah menimbulkan kesulitan kepada pengunjung lain untuk berekreasi di tempat tersebut.

- (ii) Nyatakan **dua** contoh vandalisme yang dilakukan di tempat rekreasi. [2 markah]
- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan hujah anda dalam mengatasi masalah tersebut daripada terus berlaku. [4 markah]



SULIT

13

1223/1

- 4** (a) (i) Nyatakan **dua** jabatan yang mengurus pendapatan dan perbelanjaan negara pada zaman kerajaan bani Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor perkembangan pesat aktiviti perniagaan dan perdagangan yang memajukan ekonomi kerajaan bani Abbasiyah. [4 markah]
- (b) (i) Imam Malik rahimahullah dianggap sebagai tokoh terkemuka dalam ilmu hadis dan ilmu fiqah.
Nyatakan nama kitab beliau yang masyhur dan nama mazhab aliran pemikirannya. [2 markah]
- (ii) Terangkan bukti ketegasan yang menunjukkan beliau seorang ulamak yang berwibawa. [2 markah]
- (c) (i) Hukum bermusafir bergantung kepada tempat dan tujuan orang yang bermusafir.
Nyatakan mana-mana **dua** hukum musafir berserta contoh. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** adab semasa dalam musafir agar perjalanan tersebut dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT. [2 markah]
- (iii) Melancong yang mematuhi hukum syarak atau melancong bersyariat akan memberi manfaat kepada diri dan masyarakat.
Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

14

1223

HALAMAN KOSONG